

[A THEMATIC SURVEY OF ACTIVITIES FOR ENHANCING ARABIC SPEAKING SKILLS AMONG NON-NATIVE SPEAKERS]

TINJAUAN TEMATIK AKTIVITI MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM KALANGAN BUKAN PENUTUR JATI

Haryati Yaacob

haryati@usim.edu.my

Universiti Sains Islam Malaysia

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff

nik@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Harun Baharudin

harunbaharudin@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Hafizhah Zulkifli

hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kemahiran bertutur merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh pelajar, kerana ia adalah kemahiran kedua paling penting selepas kemahiran mendengar. Namun demikian, pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur bahasa Arab masih berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati dari tahun 2012 hingga kini, dengan menggunakan perisian NVIVO 12. Carian kata kunci melalui pangkalan data SCOPUS menghasilkan 18 artikel, manakala ProQuest menghasilkan 74 artikel. Namun, setelah proses saringan kemasukan dan pengecualian dijalankan, hanya 21 artikel yang dipilih. Kajian semula terhadap artikel-artikel ini mengenal pasti 9 kod awal yang dikategorikan kepada 4 tema utama, iaitu mendengar dan menyebut, main peranan atau lakonan, pembentangan lisan, dan bercerita. Diharapkan bahawa dapatan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada penyelidikan akan datang dalam menangani masalah kemahiran bertutur serta menjadi panduan kepada pendidik bahasa dalam pengajaran kemahiran bertutur abad ke-21.

Kata Kunci: aktiviti, meningkatkan, kemahiran bertutur, bahasa Arab, bukan penutur jati

Abstract

Speaking skills are among the essential competencies students need to master, as they are the second most important skill after listening. However, students' achievement in Arabic speaking skills remains at a low level. Therefore, this survey study aims to identify activities that enhance Arabic speaking skills among non-native speakers from 2012 to the present, using NVIVO 12 software. A keyword search through the SCOPUS database yielded 18 articles, while ProQuest produced 74 articles. However, after applying inclusion and exclusion criteria, only 21 articles were selected. A review of these articles identified 9 initial codes, which were categorized into 4 main themes: listening and pronunciation, role-playing or acting, oral presentations, and storytelling. It is hoped that the findings of this study will benefit future research in addressing speaking skill challenges and serve as a guide for language educators in teaching 21st-century speaking skills.

Keywords: activities, enhancing, speaking skills, Arabic language, non-native speakers

Article Received:

20 November 2024

Article Reviewed:

2 December 2024

Article Published:

26 December 2024

PENDAHULUAN

Kemahiran bertutur adalah kemahiran penting dikuasai pelajar (Al-Eiadeh et al., 2016; Almutairi, 2021). Hal ini kerana kemahiran bertutur merupakan komponen kedua penting dalam proses pembelajaran bahasa (Al-Eiadeh et al. 2016; Almutairi 2021). Selain itu, bertutur diperlukan untuk menyatakan idea, pendapat dan perasaan (Holandyah et al. 2022). Oleh yang demikian, tidak syak lagi bertutur penting untuk menyampaikan maklumat dan idea serta pengetahuan kepada orang lain agar mesej yang disampaikan itu tepat dan difahami pendengar.

Kajian ini dijalankan kerana tahap kemahiran bertutur pelajar bukan penutur jati masih berada di tahap yang rendah (Afandi, Nik Mohd Rahimi, & Harun 2019; Huwari, 2019; Mohd Ieruwan, 2020). Rentetan daripada masalah kemahiran bertutur yang dinyatakan dalam kajian yang lepas (Afandi, Nik Mohd Rahimi, & Harun 2019; Huwari 2019; Mohd Ieruwan 2020.). Maka kertas kerja ini membincangkan aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran bertutur pelajar bukan penutur jati. Menurut kajian Idham et al., (2022), pelajar mesti menguasai kemahiran bertutur untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan.

Salah satu aktiviti yang dicadangkan untuk meningkatkan kemahiran bertutur bagi mengatasi masalah kemahiran bertutur ialah nyanyian (Al-Eiadeh et al., 2016; Nihada Delibegovic Dzanic & Pejic, 2016; Almutairi, 2021; Jabak, 2021). Menurut Almutairi (2021) peserta kajiannya menyatakan 91% bersetuju, bahawa nyanyian adalah penting dalam kurikulum pengajaran bahasa Inggeris untuk pelajar bukan penutur jati. Hal ini kerana, mereka percaya bahawa nyanyian memberi peluang mereka berlatih bertutur. Hujah ini turut disokong Dzanic & Pejic (2016), bahawa nyanyian mempunyai pengaruh positif secara tidak langsung membantu pelajar dalam kosa kata mereka, sekaligus meningkatkan pengetahuan mereka.

Selain itu, aktiviti seterusnya meningkatkan kemahiran bertutur pelajar ialah perbualan atau dialog (Al-Eiadeh et al., 2016; Idham et al., 2022). Menurut Al-Eiadeh et al. (2016) perbualan adalah aktiviti yang kerap dijalankan di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa aktiviti ini dapat meningkatkan kemahiran bertutur. Manakala, Idham et al. (2022) berpendapat bahawa perbualan atau dialog dapat dijalankan di luar bilik darjah juga kerana pelajar telah diperkenalkan aktiviti perbualan atau dialog di dalam bilik darjah. Justeru, perbualan dan dialog dapat dipraktikkan sentiasa sama ada dalam dan luar bilik darjah, secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran bertutur pelajar.

Seterusnya menurut Idham et al. (2022) dan Azani, Azman dan Mat Taib (2012) aktiviti lakonan atau *role play* membantu pelajar meningkatkan kemahiran bertutur mereka. Hujah ini disokong Azani, Azman dan Mat Taib (2012) kerana menurutnya jika pengajaran lakonan atau *role play* ini dilakukan dengan bersungguh-sungguh, maka ia memberi kesan positif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Aktiviti seterusnya dapat meningkatkan kemahiran bertutur adalah pembentangan lisan (*oral presentation*). Dalam kajian (Amini et al., 2019), mendapati kebanyakan pensyarah kolej menggunakan aktiviti pembentangan lisan untuk menggalakkan pelajar bertutur dalam bahasa Inggeris.

Menurutnya lagi, kajiannya di Universiti Bengkulu mendapati pelajar mengambil subjek “English for Presentation” pada semester empat. Pelajar diajar tentang cara menyampaikan pembentangan mereka dengan betul dan cara menyediakan bahan. Hal ini menunjukkan pelajar diajar bagaimana membuat persediaan dengan menyediakan bahan- bahan dan diajar cara menyampaikan. Oleh yang demikian, secara tidak langsung aktiviti pembentangan lisan merupakan aktiviti yang membantu pelajar untuk bertutur. Perkara ini disokong Grieve et al. (2021), bahawa kajiannya menunjukkan pembentangan lisan adalah aktiviti penting digunakan pelajar dalam pembelajaran mereka di institusi pengajian tinggi di United Kingdom. Justeru, kajian berkenaan masalah dan cabaran dalam kemahiran bertutur banyak dijalankan.

Namun, kajian mengenai aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran bertutur kurang dijalankan dalam kalangan bukan penutur jati. Rentetan daripada itu, kajian ini bertujuan untuk melihat aktiviti meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan bukan penutur jati, dengan melakukan tinjauan literatur dari tahun 2013 sehingga 2022 berdasarkan soalan berikut:

RQ: Apakah aktiviti meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar bukan penutur jati dari tahun 2012 sehingga kini?

METODOLOGI KAJIAN

Prosedur menganalisis tema menggunakan Atlas.ti dalam tinjauan literatur telah diperkenalkan oleh Zairul (2020). Tinjauan tematik ini ialah proses pengesahan corak dan mengembangkan tema melalui pembacaan yang luas berkenaan sesuatu perkara. Justeru, untuk meneroka aktiviti yang meningkatkan kemahiran bertutur, maka tinjauan tematik ini menepati objektif yang digariskan.


Sumber data utama telah diambil melalui carian data di pangkalan Scopus dan ProQuest. Langkah pertama untuk menulis tinjauan tematik adalah dengan membuat tinjauan artikel berkenaan aktiviti meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar bukan penutur jati dengan menulis “aktiviti”, “kemahiran bertutur” DAN “Bahasa Arab” di pangkalan data Scopus dengan menggunakan kata kunci (TITLE-ABS-KEY (*speaking AND approach*) OR (*activities*) AND TITLE-ABS-KEY (*arabic AND language*)) AND PUBYEAR > 2012. Perkataan “bukan penutur jati” tidak dimasukkan kerana pangkalan data Scopus tidak dapat mengenal pasti artikel yang dicari. Oleh itu pengkaji hanya memasukkan perkataan “aktiviti”, “kemahiran bertutur” dan “Bahasa Arab” sahaja. Pangkalan data ProQuest juga digunakan untuk mencari artikel berkenaan dengan menggunakan kata kunci “activities AND improve AND arabic AND speaking skills” tahun 2012 hingga kini.

Walaupun pencarian pangkalan data di letakkan bermula tahun 2012 sehingga kini, namun data yang dipaparkan hanya sehingga 2022. Berdasarkan kata kunci yang telah dipilih, proses pencarian artikel atau rujukan telah dilakukan di dua pangkalan data utama iaitu Scopus dan ProQuest. Kesemua pangkalan data ini dipilih berdasarkan beberapa kelebihan yang dimiliki. Pertamanya, menurut kajian yang dilakukan oleh Gusenbauer dan Haddaway (2019), pangkalan data seperti Scopus mempunyai kekuatan dari segi pencarian yang menyeluruh, hasil pencarian yang lebih stabil dan fungsi pencarian advanced yang lebih banyak berbanding pangkalan data yang lain. Martin-Martin et al., (2018) dalam kajian mereka pula menekankan tentang kelebihan yang dimiliki Scopus dari segi kawalan kualiti serta juga sistem indexing yang sistematik.

JADUAL 1. Pencarian artikel menggunakan string

| | | |
|----------|--|----------------------|
| Scopus | (TITLE-ABS-KEY (*activities*) AND TITLE- ABS-KEY (*arabic*) AND TITLE- ABS- | 18 articles/ results |
| ProQuest | activities AND improve AND arabic AND speaking skills | 74 articles/results |

Pencarian menggunakan kedua-dua pangkalan ini menghasilkan sebanyak 18 artikel dan penyelidikan dari pangkalan Scopus dan 74 dari pangkalan data ProQuest. Memandangkan semakan ini terhad kepada jurnal semakan rakan sebaya dan selepas melalui saringan dan duplikasi, 71 artikel telah dikeluarkan. Manakala hanya 21 artikel sahaja yang terpilih setelah dialih dan diimbas semula abstrak dengan membuang artikel yang tidak berkaitan dengan topik. Rajah 1 di bawah memperincikan kriteria kemasukan (*inclusion*) dan pengecualian (*exclusion*) bagi mengenal pasti artikel untuk tinjauan tematik:



RAJAH 1. Kriteria kemasukan (*inclusion*) dan pengecualian (*exclusion*) bagi mengenal pasti artikel untuk tinjauan tematik

Seterusnya kesemua 21 jurnal yang dimasukkan dari Mendeley, metadata dari Mendeley telah dipindahkan ke NVIVO 12 dan dicipta sebagai dokumen utama seperti jadual 2 di bawah. Prosedur pengurusan data menggunakan Nvivo telah diperkenalkan oleh syarikat QSR International pada tahun 1997 sebagai perisian untuk membantu penyelidik menganalisis data kualitatif dan campuran (mixed methods):

JADUAL 2. Metadata Mendeley telah dipindahkan ke NVIVO 12

| Name | Codes | References | Modified On | Modified |
|--|-------|------------|---------------|----------|
| Ahmed (2022) L1. Poetry and Moral Stories as a Factor Affecting | 8 | 9 | 28/09/2022 10 | H |
| Al-Assaf, N (2022) The Effect of Using the Strategy of Flipped Class on Teaching Arabic as a Second Language23 | 6 | 7 | 28/09/2022 10 | H |
| Al-Eaiden et al. (2016) Improving_English_Language_Speaking_Skill | 14 | 29 | 04/10/2022 16 | H |
| Alharbi (2015) Improving students' English speaking proficiency in Saudi public schools. International Journal of Instruction | 9 | 9 | 28/09/2022 15 | H |
| Almutairi & Shukri (2016) Using Songs in Teaching Oral Skills to Young Learners | 10 | 15 | 28/09/2022 15 | H |
| Almutairi (2021) Underachievement in English Speaking Skills among Kuwaiti EFL Students at the College of Basic Education | 6 | 10 | 27/09/2022 17 | H |
| Amini et al. (2019) A Correlation between Students' Anxiety Levels and Oral Presentation | 7 | 7 | 03/10/2022 15 | H |
| Azlinia et al. (2015) A Study On The Speaking Ability Of The Second Year | 5 | 7 | 04/10/2022 17 | H |
| Ozanic & Pejic (2016) The Effect Of Using Songs On Young Learners And Their Motivation For Learning English | 6 | 12 | 04/10/2022 16 | H |
| El-tinagui (2016) Strategies For Learning Second Language Skills | 5 | 7 | 03/10/2022 14 | H |
| Fared & Seman (2019) Enhancing Arabic Speaking Skills Through Segmental and Suprasegmental Pronunciation Proficiency Strategi | 5 | 7 | 28/09/2022 12 | H |
| Grieve et al. (2021) Student fears of oral presentations and public speaking in higher education: a qualitative survey | 8 | 9 | 04/10/2022 16 | H |
| Hame, F.M. (2018) The impact of English language as a medium of instruction amongst non-English major students in the college of | 0 | 0 | 26/09/2022 16 | H |
| Holandyah et.al. (2022) Speaking Challenges in a Life Skill Program for Islamic Boarding School Students | 6 | 8 | 28/09/2022 10 | H |
| Ithman, S (2022) Speaking Skills of Students at University | 7 | 9 | 28/09/2022 10 | H |
| Jabak, O (2021) The Role of English Songs in Saudi Students' Self-Learning of English | 5 | 5 | 27/09/2022 16 | H |
| Lai-Mei Leong & Ahmad (2017)An Analysis of Factors Influencing Learners' English Speaking Skill | 4 | 4 | 04/10/2022 17 | H |
| Liton (2012) Developing EFL Teaching And Learning Practices | 5 | 5 | 03/10/2022 10 | H |
| Marzulina, L (2021) Challenges in Teaching English for EFL Learners at Pesantren Teachers' Voices | 6 | 6 | 28/09/2022 10 | H |
| Metylawa, A (2022) Factors Contributing to the Gap Between Listening and Speaking Skills Performance Among University Students P | 9 | 11 | 27/09/2022 17 | H |
| Mohammed (2022) Designing an Arabic Speaking and Listening Skills E-Course Resources, Activities and Students' Perceptions | 9 | 15 | 28/09/2022 12 | H |

Daripada metadata yang dibina di Mendeley, beberapa kumpulan telah dimulakan secara automatik dalam kumpulan kod di perisian Nvivo, seperti jadual 3 di bawah:

JADUAL 3. Kumpulan kod yang dibina daripada metadata Mendeley di perisian Nvivo

| Name | Files | References | Created On | Created By | Modified On | Modified By |
|------------------------|-------|------------|------------------|------------|------------------|-------------|
| 1. Background of study | 22 | 29 | 03/10/2022 15:01 | H | 15/09/2023 12:05 | H |
| 2. GAP | 12 | 16 | 03/10/2022 15:02 | H | 03/02/2023 11:15 | H |
| 3. Objective | 23 | 27 | 03/10/2022 15:08 | H | 08/02/2023 22:43 | H |
| 4. Methodology | 21 | 27 | 03/10/2022 15:02 | H | 08/02/2023 22:43 | H |
| 5. Findings | 20 | 36 | 03/10/2022 15:09 | H | 08/02/2023 22:44 | H |
| 6. Conclusions | 12 | 14 | 03/10/2022 15:09 | H | 08/02/2023 22:39 | H |
| 7. Future studies | 15 | 21 | 03/10/2022 15:10 | H | 08/02/2023 22:33 | H |

Pengelasan dalam NVIVO 12 menjadikan pengasingan dijalankan dengan lebih mudah dan sistematik. Pada pusingan pertama pengekodan, sebanyak 9 kod telah dihasilkan. Kemudian kod itu telah dikumpulkan dan diwujudkan beberapa tema bagi menjawab persoalan kajian mengenai "Apakah aktiviti meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar bukan penutur jati dari tahun 2012 sehingga kini?" menyumbang kepada 4 kategori utama untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dapatan kuantitatif dan dapatan kualitatif.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

DAPATAN KUANTITATIF

Dapatan pangkalan data penggunaan frasa “aktiviti”, “kemahiran bertutur” DAN “Bahasa Arab” adalah terhad dalam kalangan bukan penutur jati. Walaupun artikel dimaksudkan itu adalah berkenaan aktiviti meningkatkan kemahiran bertutur, tetapi artikel berkenaan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab adalah kurang. Kebanyakan artikel dan penyelidikan membincangkan kemahiran bertutur bukan penutur jati dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris. Justeru, kajian ini merujuk 21 artikel yang dikenal pasti melalui terbitan berkala iaitu; *An Interdisciplinary Journal, Doctoral Dissertation, International Journal of English and Education, International Journal of English Language Teaching and Linguistics, International Journal of Instruction, International Journal of Linguistics, International Journal Of Research In English Education, International Online Journal of Language, Communication, and Humanities, Journal of Engineering and Applied Sciences, Journal of English Education and Teaching, Journal of Further and Higher Education, Journal of Language Teaching and Research, Journal of Language Teaching and Research, The Electronic Journal of e-Learning dan Theory and Practice in Language Studies.* Daripada jadual 4 di bawah, trend penerbitan dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2013 tiada penerbitan dikeluarkan bagi aktiviti kemahiran bertutur bahasa Arab, walau bagaimanapun bilangan penerbitan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kebanyakan jurnal yang terlibat tidak berkaitan dengan bahasa Arab, namun ia boleh dirujuk sebagai bahasa asing atau bahasa kedua.

JADUAL 4. Penerbitan mengikut jurnal dan tahun

| Nama jurnal | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
|--|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| An Interdisciplinary Journal | | | | | 1 | | | | | | | | |
| Doctoral Dissertation | | | | | | 1 | | | | | | | |
| International Journal of English and Education | | | | | | | 1 | | | | | | |
| International Journal of English Language Teaching and Linguistics | | | | | | 1 | | | | | | | |
| International Journal of Instruction | 1 | | | | 1 | | | | | | | | |
| International Journal of Linguistics | | | | | | 1 | | | | | | | |
| International Journal Of Research In English Education | | | | | | | 1 | | | | | | |

bersambung...

...sambungan

| | |
|---|-----|
| International Online Journal of Language, Communication, and Humanities | 1 |
| Journal of Engineering and Applied Sciences | 1 |
| Journal of English Education and Teaching | 1 |
| Journal of Further and Higher Education | 1 |
| Journal of Language Teaching and Research | 3 2 |
| The Electronic Journal of e- Learning | 1 |
| Theory and Practice in Language Studies | 1 2 |

21 artikel penyelidikan telah disemak berulang kali, di mana proses perbandingan dan persamaan telah dibuat untuk mencapai konsistensi sehingga terhasil sub-kategori. Senarai penulis jurnal dan kod boleh didapati dalam jadual 4 di bawah. Pengekodan awal sebanyak 9 sub kategori telah dikenalpasti dan dikodkan kepada 4 tema utama iaitu aktiviti mendengar dan menyebut, main peranan atau *role play*, pembentangan lisan dan bercerita.

JADUAL 5. Senarai penulis dan kod

| Senarai penulis jurnal | Aktiviti Mendengar dan Menyebut | Aktiviti Main peranan | Aktiviti Pembentangan Lisan | Aktiviti Bercerita |
|---|---------------------------------------|--------------------------|-----------------------------------|-----------------------|
| Azani, Azman & Mat Taib (2012) | / | | | |
| Liton (2012) | / | | | |
| Alharbi (2015) | | | / | |
| Azrina et. al (2015) | | / | | |
| Al-Eiadeh (2016) | / | / | | |
| Almutairi & Shukri (2016) | / | | | |
| Nihada Delibegovic Dzanic & Pejic (2016) | / | | | |
| El-Tingari (2016) | | / | | |
| Leong & Ahmadi (2017) | | | / | |
| Hama et al. (2018) | | / | | |

bersambung...

...sambungan

| | | |
|---|---|---|
| Amini (2019) | / | / |
| Ahmad Fared & Mohammad Seman (2019) | / | |
| Almutairi (2021) | / | |
| Jabak (2021) | / | |
| Grieve et al. (2021) | | / |
| Marzulina. L. (2021) | | / |
| Idham et al. (2022) | / | |
| Holandayah et al. (2022) | | / |
| Ahmed (2022) | | / |
| Al-Assaf, Al-Wazzan & Al-Marayat (2022) | / | |
| Metwally, Hakami & Alabdaly (2022) | / | |
| Mohammed (2022) | / | |

Kajian ini mendapati trend aktiviti kemahiran bertutur dalam kalangan bukan penutur jati pada tahun 2012 ialah aktiviti mendengar dan menyebut serta aktiviti main peranan. Manakala pada tahun 2013 dan 2014 tiada kajian mengenai aktiviti kemahiran bertutur dijalankan. Seterusnya, aktiviti mendengar dan menyebut menunjukkan kajian mengenainya banyak dijalankan sehingga tahun 2022. Selanjutnya, kajian berkaitan aktiviti main peranan dan aktiviti pembentangan lisan menduduki tempat kedua tertinggi dijalankan. Manakala aktiviti bercerita di tempat yang terakhir. Hal ini menunjukkan kurangnya kajian berkaitan aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran bertutur pelajar dijalankan. Namun begitu, peningkatan kajian mengenai aktiviti kemahiran bertutur meningkat pada tahun 2021 dan 2022, manakala tahun 2023 dan 2024 tiada kajian berkait dengan kemahiran bertutur. Jadual 6 di bawah memperincikan perkara ini:

JADUAL 6. Tema mengikut tahun

| Tema | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
|-------------------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| Aktiviti Mendengar & menyebut | 1 | - | - | - | 3 | - | - | - | - | 2 | 2 | - | - |
| Aktiviti Main peranan | 1 | - | - | 1 | 1 | - | 1 | - | - | - | 2 | - | - |
| Aktiviti Pembentangan Lisan | - | - | - | 1 | - | 1 | - | 1 | - | 2 | 1 | - | - |
| Aktiviti Bercerita | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 2 | 1 | - | - |

DAPATAN KUALITATIF




RAJAH 3. Rangkaian tentang cara menjawab soalan kajian melalui tinjauan tematik (9 kod)

Aktiviti Mendengar dan Menyebut

Aktiviti bagi meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan bukan penutur jati antaranya ialah mendengar berita, menonton filem dan menyanyi (Litton 2012; Al-Eiadeh et al., 2016; Nihada Delibegovic Dzanic & Pejic, 2016; Almutairi, 2021; Jabak, 2021). Aktiviti seperti mendengar dan menuturkan nyanyian, berita, dan menonton filem dikodkan dalam aktiviti menyebut dan mendengar. Menurut kajian Al-Eiadeh et al. (2016) bahawa mendengar nyanyian, berita dan menonton filem dapat membantu pelajar dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Kajiannya lagi mendapati 10 daripada 20 orang pelajar menyatakan mereka dapat mengembangkan bahasa mereka apabila mendengar dari sumber yang dinyatakan di atas.

Pernyataan Al-Eiadeh et al. (2016) turut disokong Almutairi (2021) bahawa 92% pelajar menyokong dan bersetuju bahawa dengan aktiviti menyebut seperti menyanyi memberi peluang mereka untuk bertutur. Tambahan juga dengan aktiviti menyanyi dapat membantu meningkatkan kemahiran mendengar, sekaligus memberi keseronokan dalam belajar (Nihada Delibegovic Dzanic & Pejic, 2016). Justeru, kesan daripada aktiviti menyanyi memberikan pengaruh positif dalam pembelajaran kemahiran bertutur pelajar. Rajah 2 di bawah menunjukkan aktiviti mendengar dan menyebut dapat meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab:




RAJAH 4. Rangkaian aktiviti kemahiran bertutur bagi aktiviti mendengar dan menyebut dapat meningkatkan kemahiran bertutur

Aktiviti Main Peranan (role play)

Aktiviti meningkatkan kemahiran bertutur yang kedua ialah main peranan (*role play*), dialog dan perbualan (Azani, Azman & Mat Taib 2012; Al-Eiadeh et al., 2016; Idham et al., 2022). Aktiviti-aktiviti ini dikod di bawah aktiviti main peranan (*role play*) iaitu melakonkan keadaan sebenar. Kesemua aktiviti ini dikodkan di bawah main peranan kerana aktiviti ini melakonkan dan memainkan peranan dalam lakonan, yang memerlukan dialog dan lakonan. Kajian (Idham et al., 2022), terhadap pelajar menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran bertutur setelah diperkenalkan kaedah main peranan (*role play*). Hal ini terbukti ketika dibuat perbandingan antara aktiviti terjemahan dan main peranan, peningkatan kemahiran bertutur pelajar meningkat dalam aktiviti main peranan. Tambahan lagi, lakonan atau main peranan berkesan jika dijalankan dengan bersungguh-sungguh (Azani, Azman & Mat Taib 2012) Menurut Idham et al. (2022), pelajar diperkenalkan aktiviti dialog dan perbualan di dalam bilik darjah, seramai 11 daripada 20 orang pelajar menyatakan mereka kerap menjalankan perbualan dan dialog di dalam bilik darjah, namun aktiviti ini digalakkan juga dijalankan di luar waktu bilik darjah kerana keterbatasan masa.


Melalui penglibatan aktiviti lakonan, dialog dan *role play* dapat menghilangkan perasaan takut dan bimbang mereka dalam kemahiran bertutur (Al-Eiadeh et al. 2016). Justeru, aktiviti main peranan seperti lakonan dan dialog dapat meningkatkan kemahiran bertutur pelajar sepanjang hayat kerana ia bukan sekadar boleh dipraktikkan di dalam bilik darjah, malahan di luar bilik darjah juga boleh dipraktikkan. Sekaligus aktiviti ini menyumbang peningkatan terhadap kemahiran bertutur pelajar. Rajah 3 di bawah menerangkan secara ringkas aktiviti main peranan dalam meningkatkan kemahiran bertutur:



RAJAH 5. Rangkaian aktiviti kemahiran bertutur bagi aktiviti main peranan (role play) dapat meningkatkan kemahiran bertutur

Aktiviti Pembentangan Lisan


Seterusnya aktiviti meningkatkan kemahiran bertutur ialah memberi penerangan atau memberi contoh dan pembentangan lisan dikodkan dalam aktiviti pembentangan lisan. Aktiviti memberi penerangan dan memberi contoh dikodkan dalam pembentangan lisan kerana aktiviti ini memerlukan pelajar menerangkan secara lisan. Dalam kajian Al-Eiadeh et al. (2016), pelajar dikehendaki memberikan penerangan terhadap soalan yang diajukan guru di dalam bilik darjah, lebih-lebih lagi apabila guru meminta pelajar menerangkan sesuatu topik. Kajian Al-Eiadeh et al. (2016) juga mendapat pelajar dikehendaki memberi contoh sesuatu seperti di dalam bilik darjah. Seterusnya kajian Amini (2019) terhadap pelajar yang mengambil kursus bahasa Inggeris menunjukkan kemahiran bertutur pelajar dapat ditingkatkan apabila pelajar melakukan aktiviti pembentangan di dalam kelas, namun begitu didapati segelintir pelajar masih menghadapi perasaan bimbang dan takut untuk bertutur di hadapan kelas. Justeru aktiviti memberi penerangan, menerangkan contoh dan pembentangan membantu pelajar meningkatkan kemahiran bertutur mereka. Rajah di bawah menerangkan secara ringkas aktiviti pembentangan lisan:



RAJAH 6. Rangkaian aktiviti kemahiran bertutur bagi aktiviti pembentangan lisan dapat meningkatkan kemahiran bertutur

Aktiviti Bercerita

Aktiviti meningkatkan kemahiran bertutur iaitu bercerita adalah salah satu aktiviti dapat meningkatkan kemahiran bertutur. Kajian (Ahmed, 2022) mendapati bercerita adalah aktiviti menarik yang membawa pelajar kepada dunia imaginasi, lebih-lebih lagi apabila aktiviti bercerita kisah dongeng dituturkan. Kajiannya juga mendapati pelajar meminati aktiviti bercerita kerana ia menyumbang dan menguji ketahanan sosial dan kestabilan emosi. Dalam masa yang sama pelajar berupaya memperoleh bahasa atau menguasai bahasa dengan baik. Rajah di bawah menerangkan secara ringkas aktiviti bercerita:



RAJAH 7. Rangkaian aktiviti kemahiran bertutur bagi aktiviti bercerita dapat meningkatkan kemahiran bertutur

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini membincangkan aktiviti yang meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati. Aktiviti-aktiviti tersebut telah dikodkan dalam empat kumpulan iaitu aktiviti mendengar dan menyebut, aktiviti main peranan (*role play*), aktiviti pembentangan lisan dan aktiviti bercerita. Aktiviti mendengar dan menyebut dikod berdasarkan aktiviti seperti mendengar berita, menonton filem dan menyanyi. Manakala aktiviti main peranan (*role play*) dikod berdasarkan aktiviti lakonan dan dialog. Seterusnya, aktiviti pembentangan lisan dikod berdasarkan aktiviti memberi penerangan dan memberi contoh. Aktiviti bercerita adalah aktiviti terakhir dikodkan berdasarkan aktiviti ini meningkatkan kemahiran bertutur pelajar ketika mereka menjalani aktiviti bercerita lebih-lebih lagi apabila berkaitan dengan cerita dongeng. Aktiviti menyebut dan mendengar memberi motivasi yang tinggi apabila pelajar mendengar lagu dan menonton filem. Hal ini kerana, melalui pendedahan secara tidak langsung membantu pelajar mengaitkan pembelajaran dalam konteks kehidupan sebenar. Sebagai contoh mendengar lagu memudahkan pelajar mengingat kosa kata dan frasa, sekaligus meningkatkan minat mereka untuk belajar. Manakala aktiviti menyebut pula dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar apabila menjadikan aktiviti tersebut sebagai amalan harian. Sebagai contoh amalan menyebut berulang kali melalui nyanyian dapat membina keyakinan diri dan mengurangkan kesilapan. Oleh yang demikian, aktiviti menyebut dan mendengar boleh dijadikan asas aktiviti kemahiran bertutur bagi memupuk minat dan motivasi mereka.

Aktiviti seterusnya ialah main peranan atau *role play* memberi peluang pelajar memainkan watak atau peranan dalam situasi yang sebenar dan menyeronokkan. Secara tidak langsung aktiviti ini dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk mengambil bahagian dan mencuba pengalaman baru. Melalui aktiviti ini dapat menghilangkan rasa takut dan bimbang pelajar dan meningkatkan keyakinan mereka untuk bertutur. Selain itu, interaksi sosial pelajar dapat ditingkatkan melalui dialog atau lakonan secara berpasangan dan berkumpulan. Natijahnya, pelajar belajar untuk berkomunikasi sesama rakan serta memahami antara satu sama lain.

Aktiviti bercerita pula berupaya merangsang kreativiti pelajar. Hal ini kerana apabila bercerita pelajar akan menggunakan imaginasi untuk mencipta dan bercerita. Secara tidak langsung menjadikan pembelajaran bahasa lebih menyeronokkan. Lebih-lebih lagi jika cerita itu berkait dengan pengalaman peribadi pelajar. Selain itu, aktiviti bercerita juga meningkatkan keyakinan pelajar untuk bertutur kerana mereka perlu menyusun idea supaya cerita yang disampaikan menarik. Dalam masa yang sama ia mendidik pelajar bertutur secara berstruktur. Dalam aktiviti bercerita juga menggalakkan interaksi dua hala, di mana pelajar bukan sahaja menjadi pencerita, malah menjadi pendengar cerita orang lain. Hal ini dapat membina kemahiran mendengar pelajar secara tidak langsung.

Impak jangka panjang aktiviti-aktiviti ini memberi pelajar kelebihan dalam komunikasi, keyakinan, dan interaksi sosial. Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran bertutur bahkan, membantu membentuk individu yang lebih bersedia untuk menghadapi cabaran kehidupan profesional dan sosial. Aktiviti-aktiviti ini, apabila diperaktikkan secara berterusan, menjadikan pelajar lebih berkemampuan untuk menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi yang berkesan sepanjang hayat mereka.

Secara keseluruhan, setiap aktiviti kemahiran bertutur seperti menyebut, mendengar, main peranan, dan bercerita memberikan impak positif. Aktiviti ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran tetapi juga membentuk pelajar menjadi individu yang lebih yakin dan kompeten dalam komunikasi sosial. Justeru dicadangkan kajian masa depan berkait dengan aktiviti meningkatkan kemahiran bertutur dapat diperincikan dengan lebih lagi, bagi mengatasi masalah kelemahan kemahiran bertutur.

RUJUKAN

- Afandi Yusoff, Nik Mohd Rahimi Nik Mohd Yusoff, & Harun Baharuddin. (2019). Kebimbangan Bahasa dan Hubungannya dengan Pencapaian dalam Bahasa Arab (Language Anxiety and Its Relationship with Achievement in Arabic Language). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 1–9. <https://doi.org/10.17576/jpen-2019-44.02-01>.
- Ahmed, M. A. (2022). L1 Poetry and Moral Stories as a Factor Affecting Acquisition of L2 Oracy Skills in EFL Settings. *Theory and Practice in Language Studies*, 12(9), 1930–1938. <https://doi.org/https://doi.org/10.17507/tpls.1209.27>.
- Akzam Ismail, Harif Supriandy & Alfitri. (2021). Improve arabic language and islamic skills with BISA system to Arab Village. *Linguistics and Culture Review*, 5(July), 624–632. <https://doi.org/10.37028/lingcure.v5nS1.1447>.
- Almutairi, M. A. (2021). Underachievement in English Speaking Skills among Kuwaiti EFL Students at the College of Basic Education: Possible Causes and Possible Solutions. *Journal of Language Teaching and Research*, 12(1), 206–210. <https://doi.org/https://doi.org/10.17507/jltr.1201.23>.
- Amini, A., . E., & . K. (2019). A Correlation between Students' Anxiety Levels and Oral Presentation Performance in EFL Speaking Class. *Journal of English Education and Teaching*, 3(3), 403–412. <https://doi.org/10.33369/jeet.3.3.403-412>.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat, & Mat Taib Pa. (2012). Developing speaking skills through implementation of role play activities in teaching Arabic | Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1), 325–337.
- Azman Che Mat, Azarudin Awang, Ahmad Zulfadhli Nokman, Nurshaifura Musilehat, & Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar. (2017). An Authentic Learning Environment Based on Video Project among Arabic Learners. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 6(4), 143–148. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.6n.4p.143>.
- Djafri, F., & Wimbarti, S. (2018). Measuring foreign language anxiety among learners of different foreign languages: in relation to motivation and perception of teacher's behaviors. *Asian- Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 3(1). <https://doi.org/10.1186/s40862-018-0058-y>.
- Firooz, S., & Dastpk, M. (2017). The Sources of Foreign Language Speaking Anxiety of Iranian English Language Learners. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 5(4), 111. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.5n.4p.111>.
- Grieve, R., Woodley, J., Hunt, S. E., & McKay, A. (2021). Student fears of oral presentations and public speaking in higher education: a qualitative survey. *Journal of Further and Higher Education*, 45(9), 1281–1293. <https://doi.org/10.1080/0309877X.2021.1948509>.
- Gusenbauer, M., & Haddaway, N. (2019). Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Method*. <https://doi.org/https://doi.org/10.1002/jrsm.1378>.
- Huwari, I. F. (2019). Problems faced by Jordanian undergraduate students in speaking English. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 8(9), 203–217.
- Idham, S. Y., Subramaniam, I., Khan, A., & Mugair, S. K. (2022). The Effect of Role-Playing Techniques on the Speaking Skills of Students at University. *Theory and Practice in Language Studies*, 12(8), 1622–1629.
- Imam Sudarmaji, Ariskha Ananda Amaliyah Anwar, & Agus Mulyana. (2021). Developing Students' Speaking Skills through Flipped Classroom Model. *Journal of English Education and Teaching*, 5(2), 188–200. <https://doi.org/10.33369/jeet.5.2.188-200>.

- Izyan Safira Ibrahim, & Norhafizah Adnan. (2020). Students Teams – Achievement Division (STAD) for Enhancing Speaking Performance and Teamwork Satisfaction in English as a Second Language (ESL) Classrooms (Pembahagian Pencapaian Pasukan Pelajar (STAD) untuk Meningkatkan Prestasi Pertuturan dan Kepuasan K. *Akademika*, 90(3), 19–28.
- Jafar Batiha, Noorizah Mohd Noor, & Rosniah Mustaffa. (2016). Speaking Anxiety among English as a Foreign Language Learner in Jordan: Quantitative Research Speaking Anxiety among English as a Foreign Language Learner in Jordan: Jafar Mohammad Batiha School of Language Studies and Linquistics Universiti Kebangsaan. *International Journal of Education and Research*, 4(10), 63–82.
- Kim Hua Tan, Nor Fariza Mohd Nor, & Mohd Nayef Jaradat. (2012). Communication strategies among EFL students - An examination of frequency of use and types of strategies used. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(3), 831–848.
- Martin-Martin, A., Orduna-Malea, E., Thelwall, M., & Delgado Lopez-Cozar, E. (2018). *Google Scholar, Web of Science, and Scopus: a systematic comparison of citations in 252 subject categories*. *J. Info.* 12 (4), 1160e1177. 12 (4), 11.
- Masyitoh Yaacob, Kaseh Abu Bakar, Masyitah Yaacob, & Kaseh Abu Bakar. (2018). Persepsi Pelajar Tentang Kesan Pendekatan Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Berpusatkan Pelajar Berserta Elemen Coaching dan Mentoring Students' Perception about the Effects of Teaching Arabic. *Journal of Advanced Research in Social*, 12(1), 1–16.
- Mohd Ieruan Mohamed Mokhtar. (2020). Lower Secondary Students' Arabic Speaking Anxiety: A Foreign Language Literacy Perspective. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 8(4), 33. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.8n.4p.33>.
- Nadwah Daud, & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117–131. <https://doi.org/10.17576/gema-2014-1401-08>.
- Namaziandost, E., Hashemifardnia, A., & Shafiee, S. (2019). The impact of opinion-gap, reasoning-gap, and information-gap tasks on EFL learners' speaking fluency. *Cogent Social Sciences*, 5(1). <https://doi.org/10.1080/23311886.2019.1630150>.
- Nihada Delibegovic Dzanic, & Pejic, A. (2016). The Effect of Using Songs On Young Learners and Their Motivation for Learning English. *NETSOL: New Trends in Social and Liberal Sciences*, 1(2), 40–54. <https://doi.org/10.24819/netsol2016.8>.
- Nur Afiqah Ab. Latif. (2015). A Study on English Language Anxiety among Adult Learners in Universiti Teknologi Malaysia (UTM). In *Procedia - Social and Behavioral Sciences* (Vol. 208, Issue Icllic 2014). Elsevier B.V. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.198>.
- Nur Mahmudi, & Mirjam Anugerahwati. (2021). Anxiety Level of An Indonesian EFL Student in A Public Speaking Class: A Narrative Inquiry. *International Journal of Language Teaching and Education*, 17–28.
- Omar Jabak. (2021). The Role of English Songs in Saudi Students' Self-Learning of English. *Theory and Practice in Language Studies*, 11. <https://doi.org/10.17507/tpls.1111.07>.
- Seraj, P. M. I., & Habil, H. (2021). A Systematic Overview of Issues for Developing EFL Learners' Oral English Communication Skills. *National Research University Higher School of Economics Journal of Language & Education*, 7(1).
- Zairul, M. (2020). A thematic review on student-centred learning in the studio education. *Journal of Critical Reviews*, 7(2), 504–511. <https://doi.org/10.31838/jcr.07.02.95>.